

Similarities between Arabic *Kinayah* and Malay Idioms by The Theory of *al-Nazm*: A Comparison

Abdul Basir Awang¹, Zulkarnain Mohamed² dan Md. Nor Abdullah²

¹Universiti Teknologi MARA Perlis, 02600 Arau, Perlis

²Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

abasir180@perlis.uitm.edu.my

ABSTRACT

Similarities of idioms between Arabic (KA) and Malay (KM) can be attributed to external factors and internal language. To explain the elements of true equality, both figurative language will be analyzed with the theory of *al-nazm* (TN). The main objective of this study was to identify the similarities that exist in KA and KM. Similarities not only facilitate the understanding of Arab *kinayah*, even make meaning to be conveyed by Allah in the Qur'an in particular can be understood clearly, accurately and comprehensively. KA understanding with relatively KM is a method to keep the main significance and meanings as well as additional structural of idioms. The findings show that there are some similarities between KA and KM in meaning and word structure.

Keywords: similarity, Arabic *kinayah*, Malay idiom, theory of *al-nazm*

Persamaan Antara *Kinayah* Arab Dan Kiasan Melayu Mengikut Teori *al-Nazm*: Suatu Perbandingan

ABSTRAK

Persamaan kiasan antara *kinayah* Bahasa Arab (KA) dan Bahasa Melayu (KM) boleh dikaitkan dengan faktor luaran dan dalaman bahasa. Untuk menjelaskan unsur-unsur persamaan yang sebenar, kedua-dua bahasa kiasan akan dianalisis dengan teori *al-nazm* (TN). Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti persamaan yang wujud dalam KA dan KM. Persamaan bukan sahaja memudahkan kefahaman unsur kiasan Arab, bahkan menjadikan maksud yang ingin disampaikan oleh Allah dalam al-Qur'an khususnya dapat difahami secara jelas, tepat dan menyeluruh. Pemahaman KA dengan KM secara bandingan adalah suatu kaedah untuk menjaga makna utama dan makna-makna tambahan disamping struktur kiasan. Hasil dapatan menunjukkan wujudnya beberapa persamaan antara KA dan KM dalam makna dan struktur bahasa kiasan.

Kata kunci: persamaan, *kinayah* Arab, kiasan Melayu, teori *al-nazm*

Pengenalan

Kinayah Arab (KA) dan Kiasan Melayu (KM) adalah suatu cara seni penyampaian bahasa dengan menggunakan bahasa tertentu yang memberi maksud konotasi. Walaupun dari segi konsep, terdapat sedikit perbezaan, tetapi dari aspek falsafah, objektif dan kepentingan adalah sama. Konsep KA ialah suatu lafaz dengan makna konotasi dan makna literal hanya boleh difahami sahaja bukan yang dikehendaki. Manakala konsep KM ialah bahasa yang digunakan untuk menyamakan sesuatu sifat dengan sesuatu sifat yang lain bukan dari perkara yang sama samada menggunakan perkataan yang menunjukkan

persamaan atau tidak dan mengandungi elemen kebenaran dalamnya. Dari aspek falsafah, objektif dan kepentingan, kedua-dua bahasa bertujuan memindahkan maklumat dan maksud tertentu dengan cara yang terbaik pada sesuatu keadaan. Ia bersifat ringkas, tepat dan sopan.

Bahasa kiasan lahir dari kemahiran relasional manusia terhadap alam sekelilingnya. Seterusnya dihablurkan dalam bahasa-bahasa yang diturunkan (Asmah, 2005:4-8). Keadaan ini menjadikan bahasa kiasan berbeza antara satu sama lain kerana lahir dari rumpun bahasa yang tidak sama. Hakikatnya, sememangnya wujud perbezaan yang besar antara rumpun BA dan rumpun BM terutama dari aspek bahasa alam dan budaya yang

hanya wujud di rumpun masing-masing. Walaupun begitu, ia tidak menafikan kewujudan persamaan antara dua rumpun bahasa. Ini disebabkan bahasa kiasan bukan sekadar bahasa literal sesuatu perkara, sebaliknya ia melibatkan pemikiran dan cara memahami sesuatu bahasa. Lagipun dalam bahasa kiasan, unsur yang paling penting sekali ialah makna. Jadi, sekiranya sesuatu ungkapan itu difahami dengan makna yang sama, maka ia sudah dianggap persamaan makna dan pemikiran.

Palmer(1989:126) telah mengemukakan beberapa alasan yang menjurus ke arah persamaan bahasa dan ia dipanggil sebagai kesejagatan (universal). Antaranya faktor utama persamaan bahasa ialah keperluan budaya, pertembungan bahasa sebelum ini, struktur pemikiran dan asal-usul bahasa dunia yang sama. Dalam erti kata yang lain, sekiranya sesuatu perkara itu boleh diungkapkan dalam suatu bahasa, maka ia boleh juga diungkapkan dalam bahasa yang lain juga. Seterusnya Asmah Omar (2005:4-8) juga menegaskan bahasa kiasan adalah lahir dari fahaman rasional (logik) terhadap sesuatu perkara. Contohnya, *hitam muka* adalah kiasan Melayu yang bermaksud marah. Fenomena *hitam muka* ini bukan sahaja melibatkan orang Melayu, bahkan ia juga suatu yang fitrah pada bangsa Arab. Maka *wajhuhu muswaddā* adalah KA yang memberi erti yang sama. Selain dari aspek makna, persamaan juga berlaku pada aspek struktur bahasa. Secara logiknya dunia Arab bukanlah suatu dunia yang berbeza segala-galanya. Terdapat juga persamaan tertentu dari aspek struktur bahasa yang sama. Struktur bahasa dunia tidak terlalu jauh perbezaannya. Aspek rujukan, fonetik, lexis dan sintaksis kadang-kadang mempunyai persamaan tertentu seperti kata nama, kata kerja, huruf dan sebagainya.

Kajian ini sesuai dijalankan kerana mempunyai signifikansi dalam pemahaman KA dengan KM. Pemahaman sebegini mengikut teori Baker (1992:73-79) adalah cara terbaik untuk memahami sesuatu bahasa sasaran. Bahasa kiasan bukan sekadar makna kiasan dari perkataan tertentu, sebaliknya mempunyai makna-makna tambahan yang menjadikan sesuatu kiasan menarik, tepat dan menyeluruh. Selain itu, persamaan ini juga dapat mengelak daripada berlaku kesilapan dalam memahami KA. Akhir sekali persamaan ini akan memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) kepada pelajar.

Terdapat beberapa kajian dan tulisan ilmiah yang membincangkan secara khusus berkaitan dengan subjek persamaan kiasan seperti kajian Azman Azizan (2004), Muhammad Irsyad Abdul Majid & Muhammad Ghazali Yusri (2009), Yayan Nurbayan (2010), Mohamad Yazid Abdul Majid (2010). Md. Nor Abdullah & et.al (2011). Bagaimanapun kajian-kajian ini lebih

menumpukan kepada persamaan falsafah, istilah, simbol dan jenis kiasan.

Objektif

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti unsur-unsur persamaan antara KA dan KM. Ia juga bertujuan menganalisis seni KA dan KM melalui budaya dan keadaan situasi semasa. Selain itu, kajian ini dapat merungkai dan menjelaskan kekeliruan yang berlaku antara KA dan KM.

Batasan kajian

Kajian ini hanya melibatkan KA yang dinyatakan oleh Wahbah al-Zuhaylī dalam *Tafsīr al-Munīr* (1991) dan Muhammad °Alī al-Ṣabūnī (1999) dalam *Ṣafwah al-tafāsīr*. Manakala bahasa KM merujuk kepada semua jenis bahasa kiasan Melayu dalam Kamus Peribahasa Kontemporari (2008) oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd yang menepati tema KA. Ini bertujuan untuk mencari pemahaman makna konotasi yang paling sesuai dengan kinayah al-Qur'an.

Metodologi

Kajian ini bersifat kualitatif yang dihuraikan secara deskriptif. Pendekatan yang digunakan untuk menganalisa data ialah pendekatan analisis perbandingan data pada aspek persamaan. Seterusnya setiap data ini dianalisis melalui teori *al-nazm* (TN). Menurut al-Jurjānī (2010:15), TN ialah mengaitkan kata-kata dengan kata-kata lain dan menjadikan sebahagian dari kata-kata itu sebab kepada sebahagian kata-kata yang lain. Dalam kata-kata yang lain, Abū Hilāl al-°Askarī (1989:167) telah memberi definisi TN sebagai jalinan bahasa yang baik, pemasangan yang berkualiti dan acuan yang kemas. °Abd °Azīz Mu°tīr °Arafah (1984:7) menjelaskan kebanyakan ahli balaghah dan kritikan Arab moden mentakrifkan *nazm* dengan kata-kata:

”تنسيق دلالة الألفاظ وتلاقي معانيها بما تقوم عليه من معاني النحو والموضوعة في أماكنها على الوضع الذي يقتضيه العقل“

Fokus utama teori ini ialah jalinan hubungan antara komponen-komponen BA, iaitu *ism* (kata nama), *fi°l* (kata kerja) dan *ḥarf* (huruf) yang ada dalam bahasa Arab. Maka dalam BA, kaitan ini tidak dapat lari tiga keadaan, samada kaitan kata nama dengan kata nama, katanama dengan kata kerja dan kaitan huruf dengan kata nama dan kata kerja. Paksi utama teori ini bersandarkan kepada empat perkara yang utama yang perlu difahami secara jelas. **Pertama**, perkataan atau lafaz. **Kedua**, makna perkataan. **Ketiga** kaitan dan hubungan antara

kedua-duanya dan **keempat** mengikut sistem nahu makna (tatabahasa makna).

Perkataan (*lafz*) dalam teori ini hanya alat atau cara untuk menerangkan idea dan menggambarkan makna sahaja. Perkataan yang berbunyi dengan huruf-hurufnya sahaja tanpa maknasyāqī atau hubungan tidak memberi apa-apa kelebihan. Penyataan ini bukan bermakna teori ini menafikan kepentingan *lafz*, bahkan ia juga penting dari segi fonotik, fonologi dan struktur yang betul. Penjelasan di atas adalah hanya untuk menolak pandangan yang mengagung-agungkan teori formal dan struktural serta mereka yang mengutamakan unsur perkataan dari makna dan juga sebaliknya. Akhir sekali, TN ini akan menghasilkan suatu gambaran makna yang terhasil dari jalinan makna dan lafaz dalam sesuatu frasa atau ayat.

Dapatan kajian

Berdasarkan analisis data dalam karya sumber, persamaan KA dengan KM terjadi disebabkan dua unsur persamaan utama, makna dan struktur bahasa.

1. Persamaan makna

Dalam KA dan KM, unsur makna adalah yang paling amat penting. Persamaan makna adalah disebabkan persamaan rujukan anatomi manusia, makna denotasi dan konotasi, makna abstrak, makna pembudayaan dan pemikiran masyarakat.

a. Makna anatomi manusia

Menurut Asmah Hj. Omar (1996:9) kiasan anatomi jelas mencerminkan kepercayaan bahawa manusia memiliki kecerdasan dan akal, mampu melakukan perbuatan baik dan buruk dan mampu memahami pelbagai perasaan dan emosi. Jika dilihat kepada asas makna kiasan terutamanya dalam kiasan sifat, KA dan KM menggunakan anatomi atau anggota badan manusia sebagai rujukan atau simbol kiasan. Penggunaan anatomi manusia dalam kiasan dilihat dari beberapa aspek rujukan, iaitu fungsi, bentuk, kedudukan, sifat fizikal, warna, pergerakan dan hakikat.

Faktor **fungsi** anatomi sebagai kiasan adalah suatu yang lumrah. Ia mudah difahami oleh kebanyakan manusia kerana fungsi anatomi yang utama adalah suatu yang dikongsi oleh semua masyarakat. Contohnya mata untuk melihat, lidah / mulut untuk berkata-kata, tangan membantu, hidung untuk menghidu, kaki untuk berjalan dan sebagainya. Terdapat kiasan yang mudah dikesani melalui fungsi anatomi atau ketiadaan fungsinya. Contohnya *KA lidah benar* atau *KM lidah pendeta*. Fungsi lidah adalah berkata-kata yang melahirkan bahasa. Manakala kehilangan fungsi anatomi ialah apabila anatomi tidak

berfungsi seperti biasa. Contohnya muka atau wajah adalah berfungsi sebagai lambang komunikasi, kebaikan, ihsan dan kerendahan hati dan budi. Jadi apabila disebut *memaling muka* atau *hitam muka*, maka secara mudah fungsi muka sudah tiada. Maka sudah tentu makna yang akan lahir adalah makna negatif seperti sombong dan pemarah serta benci.

Terdapat juga kiasan KA dan KM yang memerlukan taakulan pemikiran kerana kiasannya lebih mendalam kerana ia tidak merujuk kepada fungsi anatomi. Sebaliknya, ia difahami dari apa yang tersirat dari fungsi mata. Contohnya KA *qurrat a'yun* dan KM *sejuk mata/hati*. Kedua-dua kiasan ini menggunakan mata sebagai rujukan kiasan. Maka, di sinilah bermula kiasan fungsi mata sejuk yang asal untuk melihat apa-apa sahaja yang memberi keseronokan dan keselesaan kepada mata. Mata tidak suka melihat suatu yang menyakitkan. Seterusnya makna itu berpindah kepada benda atau perkara yang dilihat yang menjadikan penglihatan itu menarik perhatian. Jadi, sebagai ibu bapa tiada perkara yang menjadi keseronokan kepada mereka melainkan melihat anak-anak mereka menjadi orang yang taat dan mendengar kata.

Aspek kedua kiasan anatomi manusia ialah **bentuk**. Bentuk anatomi manusia samada bentuk asal atau 'pembentukan baru' memberi makna kiasan dalam KA dan KM. Antara bentuk-bentuk tersebut dalam KA ialah *a'nāquhum khādi'in*, *sāq bi al-sāq* dan *yaqbidūn aydiyahum*. Manakala dalam KM ialah *tunduk*, *berkotakan betis* dan *airyang digenggam tiada tiris*. Kiasan-kiasan ini masing-masing bermaksud rasa hina dan bersalah, kedekut dan kesusahan demi kesusahan. Bentuk dan kedudukan anatomi manusia juga menggambarkan makna konotasi dalam KA dan KM. Ia difahami dari dua keadaan. Pertama, kedudukan anatomi seperti kedudukan kepala yang berada di atas. Kedua, bentuk anatomi manusia seperti betis (tulang) yang memanjang.

Kedudukan kepala berada di atas adalah lambang kemuliaan. Sebaliknya, perbuatan yang menyalahi kedudukan itu adalah lambang kehinaan dan kelemahan. Begitu juga bentuk tangan dalam kedudukan biasa adalah lambang kebaikan dan sebaliknya jika ia digambarkan dalam keadaan menggenggam tangan, maka ia adalah bersifat negatif. Bentuk betis kering yang memanjang adalah lambang kesusahan yang berterusan.

Aspek keempat kiasan anatomi manusia ialah **sifat fizikal** utama anatomi. Antara sifat utama anatomi manusia ialah keras. Ini difahami dari anatomi manusia yang kuat seperti tulang. Jadual 1 adalah kiasan sifat keras tulang:

Jadual 1

KA dan KM	Anatomi	Sifat	Kiasan
<i>Sāq bi al-sāq</i> dan Berkotakan betis	Tulang	Keras	Kehidupan yang keras
<i>Wahan al-‘azm</i> dan lembik	tulang	Lawan sifat keras	Amat tidak bermaya
<i>al-Ṣulbi wa al-tarāib</i> dan kumbang dan bunga	Tulang	Keras dan lembut	Kiasan pembentukan asal

Kiasanbetis sebagai kiasan kepayahan berdasarkan struktur tulang yang amat keras.Struktur inilah yang menyokong pergerakan (kehidupan) manusia.Tanpa kekuatan tulang, akan terjadi kiasan yang kedua, iaitu *lembut tulang* yang bermaksud tidak bermaya.Dalam contoh yang ketiga, KA dan KM membuat perbandingan sifat kejadian lelaki dan perempuan dari aspek kekerasan dan kelembutan.Sifat kejadian orang lelaki (tulang sulbi dan kumbang) lebih keras dari kejadian orang perempuan (tulang rangka dan bunga)¹.

Dalam kajian ini, sifat keras tulang difahami dari pelbagai jenis dan bentuk tulang dan kejadiannya yang keras digunakan dalam memahami kiasan.Bentuk kejadian asal ialah betis.Tabiat betis manusia ialah bahagian hadapan tulang betis manusia yang keras dan tidak mempunyai isi.Bentuk ini menggambarkan kepayahan hidup.Apatah lagi sekiranya bahagian belakang betis juga tidak mempunyai isi dan ini menggambarkan kesusahan yang tiada taranya.Manakala bentuk yang terhasil akibat pergerakan seperti menunduk kepala dan menggenggam tangan adalah untuk menunjukkan rasa hina dan bersalah dan juga sifat bakhil.Sedangkan kedudukan asalnya adalah lambang kemuliaan dan kemurahan.

Aspek kelima ialah makna konotasi yang lahir dari **kedudukan** anggota belakang badan.Kedudukannya menjadikan sesuatu kiasan itu bersifat mengikut nilai kedudukannya.Contohnya *belakang*.Dalam KA dan KM terdapat perkataan belakang dan anggota yang terletak di bahagian belakang merujuk kepada suatu yang negatif.Kalau bahagian hadapan selalu ditonjolkan kerana kebaikan atau kecantikan.Sebaliknya, bahagian belakang dan anggota yang berada di belakang suatu yang tidak kelihatan.Dalam KA dan KM terdapat beberapa kiasan yang merujuk kepada belakang badan dan

¹Selain dari aspek kekerasan dalam perbandingan tulang sulbi dan rangka dan kumbang dan bunga boleh juga dilihat dari aspek sosial, iaitu kaedah hubungan lelaki dan perempuan.Tabiat Orang perempuan perlu dibelai, dimanjai dan bukan sebaliknya.Sebarang tindakan yang tidak mengikut fitrah boleh merosakkan tulang rangka (KA) dan bunga (KM).

belakang tangan.Antara KA ialah *warā’ zuhūrihim, ‘alā adbārihim, khalfa aydīhim*. Manakala KM yang memberi maksud yang sama ialah *membelakangi, membalik belakang dan belakang tangan*. Kesemua makna konotasi KA dan KM masing-masing memberi maksud negatif, iaitu menghina dan tidak mengutamakan, lari dari kebenaran (perjanjian) atau khianat dan tidak mengetahui atau tidak nampak.Anggota badan yang berada di bahagian belakang seperti punggung atau dubur yang tidak digunakan melainkan untuk makna kiasan negatif.

Aspek keenam berkaitan dengan anatomi ialah **warna** yang terdapat pada anggota badan.Warna anatomi pada KA dan KM mempunyai persamaan dari segi konsep. Satu-satunya warna yang terdapat dalam data kajian ini adalah warna hitam, *wajhuhumuswaddā* dan KM *hitam muka*. Dalam masyarakat Arab dan Melayu, perubahan warna anatomi kepada warna hitam berkonotasikan suatu yang negatif.Ia menggambarkan keadaan jiwa yang marah, sakit, buruk, busuk, jauh dari rahmat.

b. Konotasi dan Denotasi

Kedua-dua makna kiasan (KA dan KM) merujuk kepada makna konotasi, iaitu bahasa yang tidak difahami melalui perkataan itu sendiri atau susunan tatabahasanya. Sebaliknya, ia terhasil dari kombinasi dari konteks dengan bahasa dalam retorik KA atau konteks bahasa yang telah dibekukan seperti yang terkandung dalam KM. Manakala makna denotasi adalah makna yang berlawanan dengan konotasi. Persamaan yang wujud antara KA dan KM ialah kebolehfahaman dengan makna denotasi seperti *thaniyā‘itfihi* (memaling muka), *fī qulūbihim* marad (sakit hati), *wajhuhu muswadda* (hitam muka), *tadhhab nafsuk* (bawa diri), *‘addū‘alaykum al-anāmil* (menggigit jari) dan sebagainya.Tidak semua kiasan Melayu boleh difahami dengan denotasi.Tetapi data KM dalam kajian ini menunjukkan persamaan yang ketara antara KA dan KM.

c. Makna Abstrak

Kedua-dua gayabahasa ini adalah makna abstrak yang mengandungi beberapa elemen makna, antaranya ringkas, padat, tepat, gambaran umum makna dan saling berkait antara makna-makna kiasan (makna bayangan / makna awal) dan struktur.Makna abstrak adalah bertepatan dengan fungsi kiasan dalam BA dan BM. Makna abstrak juga menggambarkan keadaan masyarakat pada waktu ungkapan dikeluarkan, pantang larang dan pemikiran masyarakat pada waktu itu.Contohnya, ungkapan *bercampur* (bersetubuh) adalah suatu makna abstrak yang mengandungi makna pantang larang orang Melayu untuk menyebut makna-

makna berkaitan dengan bahasa literal. Manakala dalam KA, walaupun tiada istilah seperti eufemisme dalam bahasa Melayu tetapi konsepnya jelas bahawa dalam KA, perkataan yang berkaitan dengan seks tidak disebut secara jelas kerana mengandungi unsur kelucahan dan keaiban. Antara contoh KA yang menunjukkan makna yang sama ialah:

أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ...²

Maksudnya: “atau kamu **bersentuh** dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwuduk)...”²

قَالَتْ أَتَى يَكُونُ لِي غُلْمٌ وَلَمْ يَمَسْسَنِي بَشَرٌ وَلَمْ أَكُ بَعِيًّا

Maksudnya: “Ya (Mariam) bertanya (dengan cemas): Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak lelaki, padahal aku tidak pernah **disentuh** oleh seorang lelaki pun dan aku pula bukan perempuan jahat?”³

وَإِنْ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ...⁴

Maksudnya: “Jika kamu menceraikan istri-istrimu sebelum kamu **bercampur** dengan mereka...”⁴

d. Makna pembudayaan dan pemikiran masyarakat

Kinayah dan kiasan mencerminkan budaya dan hasil pemikiran masyarakat. Bahasa kiasan adalah hasil dari interaksi masyarakat dengan alam sekeliling. Hubungan ini akan menghasilkan budaya tersendiri yang menjadi lambang sesuatu masyarakat. Dalam budaya masyarakat Arab, perempuan yang baik dinilai dari aspek penglihatan, iaitu tidak memanjangkan penglihatan kepada selain dari mahramnya sahaja. Jadi, KA adalah *qāshirat al-ṭarf* (tunduk pandangan). Sebaliknya *mata liar* akan menjatuhkan maruahnyanya. Manakala budaya masyarakat Melayu menganggap perempuan yang baik adalah bersifat tidak bersosial. Ini yang terkandung dalam KM *gadis pengitan*, iaitu, gadis yang dijaga dan dipelihara dari bersosial dan berinteraksi dengan orang.

Begitu juga persamaan lambang kecerdikan masyarakat dalam menilai sesuatu. Apabila disebut *al-ṣulbi wa al-tarāib* jelas menunjukkan perkaitan tulang sulbi dengan lelaki dan *al-tarāib* dengan perempuan. Masyarakat Arab / Islam mengetahui dengan yakin lelaki dan perempuan bukan dijadikan daripada kedua-dua tulang tersebut. Sebaliknya KA itu menunjukkan sifat kejadian kedua-dua jantina itu. Dalam pemikiran Melayu pun terdapat tanda kecerdikan masyarakat Melayu apabila menyebut *kumbang* dengan *bunga*. Tiada manusia menyebut kejadian manusia

dari kumbang dan bunga. Sebaliknya, ia adalah lambang kecerdikan masyarakat Melayu untuk mengaitkan sifat lelaki dan perempuan serta hubungan yang terjadi antara dua jantina ini. Jadi, kedua-dua kiasan ini adalah lambang kecerdikan masyarakat penuturnya.

2. Persamaan struktur bahasa kiasan

Persamaan kedua ialah dari aspek struktur bahasa kiasan. Ia meliputi bentuk lafaz, struktur, keaslian bahasa, bahasa Islam dan kiasan langsung.

a. Bentuk Lafaz

KA dan KM menggunakan kata nama dan kata kerja dalam memberi makna konotasi. Ini menunjukkan kiasan KA dan KM menekankan perkataan utama ataupun kata kunci untuk memahami makna konotasi. Bentuk KA selain dari dua bentuk kata ini adalah dengan penambahan *harf jar* dan *zarfiyyah* sebagai penguat dan penentu makna utama dan sebaliknya. Manakala kata sendi dan kata tugas dalam KM tiada sama sekali memberi kesan kepada makna konotasi kerana makna KM sudah mencukupi dengan ungkapan yang sedia ada. Apatah lagi bentuk selain kata nama dan kata kerja tidak dapat berfungsi melainkan bersama kata nama dan kata kerja. Asmah Hj. Omar (1996:71) dalam kajiannya menambah satu lagi jenis kata kiasan merujuk kepada struktur kiasan, iaitu kiasan keadaan.

b. Persamaan struktur

Dari segi struktur kiasan, kiasan boleh bermula dengan kata nama atau kata kerja. KA dari segi struktur mesti menepati tatabahasa BA yang dimulakan dengan kata nama atau kata kerja. Begitu juga KM, terdapat kiasan yang dimulakan dengan kata nama seperti *gadis pengitan*, *hamba*, *tangan jahat* dan sebagainya dan juga kata kerja seperti *membalik belakang*, *berkotakan betis* dan sebagainya. Bahkan terdapat KM yang hanya menggunakan satu kata kerja seperti *tunduk*, *membelakangi*, *bercampur* dan sebagainya. Menurut Asmah Omar (1996:7-9) penggunaan kiasan dengan satu perkataan biasanya merujuk kepada kata kerja. Data dalam kajian ini menunjukkan tiada kiasan kata nama dengan menggunakan satu leksis.

Dari segi ragam makna, ayat KA dan KM adalah dari jenis penyata, informatif atau bersifat *ikhbārī* (perceritaan). Ragam ini amat sesuai dengan bahasa kiasan ia bertujuan untuk menyampaikan sesuatu makna kepada pendengar. Maka orang yang mendengarnya perlu memahami maklumat yang disampaikan. Ragam ayat penyata memberi peluang kepada pendengar untuk memahami dengan cara kiasan. Kebiasaan ini

² Surah al-Nisa' (4): 43.

³ Surah Maryam (19): 20.

⁴ Surah al-Baqarah (2): 237.

jarang digunakan dalam ragam ayat lain seperti ayat perintah, ayat tanya ataupun ayat seruan. Kalau adapun kiasan dalam ragam-ragam tersebut, ia bukan seperti yang tertulis, sebaliknya mempunyai maksud yang lain. Contohnya dalam BA, *istifhām* (ayat tanya) boleh juga difahami dengan makna *taqrīr* (penyata), *tawbīkh* (memburukkan), *ta^cajjub* (kagum), *ta^crīd* (sindiran) dan sebagainya.

c. Keaslian bahasa

Dari segi lafaz yang digunakan dalam kiasan KA dan KM adalah bahasa asli dan mudah disebut dan difahami maknanya. Bahasa asli merujuk kepada bahasa asal masyarakat Arab dan Melayu tanpa melibatkan bahasa asing. Jauh daripada unsur-unsur *gharābah* (keanehan bahasa). Dari makna bahasa ‘biasa’ ini, juga makna yang mudah difahami dan tiada istilah ‘bombastik’. Ini disebabkan keunikan dan kecantikan bahasa kiasan Arab dan Melayu bukan terletak pada perkataan dan makna secara terpisah, sebaliknya makna konotasi yang terhasil dari gabungan pelbagai aspek termasuk lafaz, konteks ungkapan dan makna. Dalam KM, terdapat juga kata-kata yang jelas berasal dari BA seperti *hukum* dan *kitāb*. Keadaan ini tidak mengurangkan kredibiliti BM kerana proses penerapan atau peminjaman bahasa ini telah berlaku berkurun-kurun lamanya.

d. Bahasa Islam

Dalam perbincangan di atas, terdapat perkataan BM yang berasal dari BA. Bagaimanapun, ia dikira sebagai sebahagian BM kerana kewujudannya sebelum pembukuan kata dan istilah BM. Malah kebanyakannya sudah berubah dari segi makna dan sebutan sesuai dengan BM. Dalam BM, terdapat banyak perkataan yang berasal dari bahasa Arab. Faktor utama wujudnya keadaan ini ialah Islam. Islam bukan sahaja mempengaruhi BM, bahkan juga mempengaruhi BA dengan makna yang tersendiri terutama dalam masalah ketuhanan. Oleh kerana itu, apabila sesuatu KA disebut dengan menggunakan unsur Islam, maka ia memberi kesan kepada bahasa Arab dan Melayu. Contohnya, perkataan *al-rūh* yang bermaksud roh atau jiwa dalam BA. Tetapi dalam konteks tertentu seperti kinayah *al-rūh*:

رَفِيعَ الدَّرَجَاتِ ذُو الْعَرْشِ يُلْقِي الرُّوحَ مِنْ أَمْرَةٍ عَلَى مَنْ
يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ.....

Maksudnya: “Dialah Yang Maha tinggi darjat kebesarannya, yang mempunyai Arasy (yang melambangkan keagungan dan kekuasaanNya); Dia memberikan wahyu dari hal perintahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya di antara

hamba-hambanya (yang telah dipilih menjadi RasulNya),⁵

Ia bermaksud al-Qur’an. Penggunaan dengan makna konotasi ini bukan suatu kelaziman bangsa Arab. Sebaliknya, ia adalah kerana bahasa Islam. Jadi apabila digunakan dalam BM, dengan ungkapan *kitab suci*, iamerujuk kepada perkara yang sama. Ringkasnya, kedua-dua kiasan terpengaruh dengan bahasa Islam.

e. Kiasan langsung

KA Dan KM adalah jenis kiasan langsung yang tidak menggunakan perkataan perbandingan seperti *mathalā* dan *ka* yang bermaksud seperti, umpama, bak, macam, seolah-olah, laksana, ibarat dan bagai. Penggunaan perkataan tersebut akan menyebabkan kiasan tersebut terkeluar dari jenis yang kinayah dan simpulan bahasa. Dalam BA, kiasan yang menggunakan perkataan-perkataan tersebut dikategorikan sebagai *tashbīh*. Manakala dalam BM, ia akan dikategorikan sebagai perumpamaan.

Rumusan

Persamaan yang paling ketara dalam kajian ini ialah makna umum atau isi kiasan yang terhasil dari kedua kata kiasan. Ia menghasilkan suatu bukti bahawa manusia sentiasa memikirkan suatu kaedah untuk menyampaikan suatu makna dengan cara yang terbaik sesuai dengan objektifnya. Bahasa denotasi menunjukkan *insāniyyah* manusia. Penggunaan makna konotasi menunjukkan sifat bijaksana, kreatif dan sensitif penuturnya. Sekaligus kedua-dua makna (denotasi dan konotasi) melambangkan ketamadunan masyarakat Arab dan Melayu.

Faktor kesejagatan menyumbang banyak persamaan antara KA da KM. Kesejagatan ini terbina atas dasar manusiawi yang dimiliki oleh penutur KA dan KM. Anatomi manusia dan faktor alam yang serupa menjadikan imej yang terhasil adalah sama. Begitu juga perasaan dalaman manusia seperti marah, suka, benci dan sebagainya adalah suatu fitrah kejadian manusia. Semua makna ini dikongsi oleh manusia keseluruhannya. Hanya tahap kedalaman sesuatu perasaan dan gambaran seni sahaja yang memisahkan faktor kesejagatan makna.

Elemen persamaan juga didapati pada perkataan atau struktur fizikal bahasa. Persamaan yang paling ketara adalah pembinaan KA dan KM berdasarkan isi kiasan dari kata nama dan kata kerja. Manakala kata-kata yang bersifat sokongan seperti sendi dan tugas tiada dalam kiasan. Kata-kata ini hanya sebagai penguat dan penentu kepada makna yang yang dimaksudkan sahaja. Kiasan dari jenis ini

⁵ Surah al-Mukmin (40): 15.

boleh difahami dengan satu perkataan sahaja samada kata kerja atau kata nama. Persamaan yang lain dalam lafaz KA dan KM ialah penggunaan bahasa asli, iaitu bahasa bangsa Arab dan Melayu tanpa pinjaman bahasa lain. Kalau adapun kedapatan seakan-akan bahasa asing, ia sebenarnya dikira bahasa sendiri kerana telah melalui pelbagai proses pembentukan bahasa dalam tempoh yang terlalu lama. Bahkan proses penentuan pemilik bahasa juga sukar dilakukan dengan bukti. Oleh kerana itu, bahasa sebegini dikira sebagai hakmilik bahasa masing-masing. Hal ini hanya dikecualikan pada bahasa Islam, iaitu bahasa yang terhasil konsepnya disebabkan agama. Bahasa sebegini bukan sahaja baru bagi KM, bahkan dikira baru juga bagi BA.

Rujukan

- al-Qur'an al-Karim*. (1987). Tafsir Pimpinan Rahman. Cet. 8. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2008). *Kamus peribahasa kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Sdn. Bhd.
- Abū Hilāl al-'Askarī, al-Ḥasan Ibn 'Abd Allah. (1986). *Kitāb al-Ṣinā'at al-kitābah wa al-shi'r*. Thq. 'Ali Muḥammad al-Bijāwī dan Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣariyyah.
- Asmah Haji Omar. (2013). *Sejarah ringkas Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Asmah Haji Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Prosiding seminar Islam hadhari: Kefahaman mengenai keutuhan budaya*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, pengajaran dan pemupukan bahasa*. Kuala Lumpur: DBP.
- Asmah Haji Omar. (1997). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Kuala Lumpur: DBP.
- Asmah Haji Omar. (1996). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Asmah Haji Omar. (1996). Metaphors of anatomy as a reflection of Malay cultural belief. *Jurnal bahasa jendela alam*. Jilid 1.9-27.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: DBP.
- 'Abd 'Azīz Mu'tī' Arāfah. (1984). *Min balāghah al-naẓm al-'Arabī*. Cet. 2. Riyād: 'Ālam al-Kutub.
- al-Jāhīz, Abū 'Uthmān ibn Baḥr. (2001). *al-Bayān wa al-tibyān*. Thq. 'Abd Daruwash Juwaydi. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣariyyah.
- Azman Azizan. (2004). *Kiasan bahasa Arab dan bahasa Melayu: suatu kajian perbandingan*. Tesis sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Baker, Mona. (1992). *In other words: A coursebook on translation*. London: Routledge.
- al-Jurjānī, 'Abd al-Qāhir. (2010). *Sharḥ dalā'il al-i'jāzli Muḥammad Ibrāhīm Shādī*. al-Manṣūrah: Dār al-Yaqīn.
- Lado, Robert. (1957). *Linguistic across cultures applied linguistics for languageteachers*. Michigan: Ann Arbor The University of Michigan Press.
- Md. Nor Abdullah, Muhammad Hosnee Zainal Abidin & Sabariah Salleh. (2011). *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) Ulama pemacutransformasi Negara*. Bunga bahasa dalam Di bawah lindungan Kaabah karya Hamka. Bangi: UKM.
- Mohamad Yazid Abdul Majid. (2010). *Perbandingan bahasa kiasan dalam cerpen Arab dan Melayu*. Tesis sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muḥammad 'Ālī al-Ṣabūnī. (1999). *Ṣafwah al-tafāsīr*. Jakarta: Dār al-Kutub al-Islamiyyah.
- Muḥammad Arsyad Abdul Majid dan Ghazali Yusri Abdul Rahman. (2009). Perbandingan penggunaan symbol anggota badan dalam ungkapan idiom Arab dan Melayu: implikasinya kepada amalan penterjemahan. *Kelestarian bidang penterjemahan*. Persidangan penterjemahan antarabangsa ke-12. Persatuan penterjemah Malaysia: Kuala Lumpur.
- Palmer, F.R. (1989). *Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilkins, D.A. (1972). *Linguistic in language teaching*. London: Edward Arnorld.
- Yayan Nurbayan. (2010). Pengembangan materi ajar balagaha berbasid pendekatan kontrastif. *Bahasa dan Seni*. 38(1), Februari. 107-116.
- Zuhaylī, Wahbah. (1986). *al-Tafsīr al-munīr fī al-'aqīdah wa al-sharīah wa al-manhaj*. Beirut: Dār al-Fikr.